

Rujukan Kami : UTM.J.17.03.04.01/10.12/22 (50)  
Tarikh : 29 Jun 2026

**NOTIS KEPADA PELAJAR BIL. 5/2026**  
**PERMOHONAN PENEMPATAN KOLEJ KEDIAMAN BAGI PELAJAR KANAN SESI 2026/2027**

**Semua Pelajar Kanan**  
**Program Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah**  
Universiti Teknologi Malaysia  
Johor Bahru

Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Residen akan membuka permohonan penempatan kolej kediaman kepada pelajar kanan yang mengikuti program Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah bagi Sesi 2026/2027. Sila ambil maklum akan ketetapan berikut:

**1.0 KRITERIA DAN KEUTAMAAN PENEMPATAN**

- 1.1 Keutamaan penempatan kolej kediaman diberikan kepada pelajar baharu prasiswazah tempatan program Sarjana Muda bagi Sesi 2026/2027.
- 1.2 Permohonan bagi pelajar prasiswazah kanan program Sarjana Muda, pascasiswazah, dan pelajar antarabangsa adalah tertakluk kepada kekosongan semasa.
- 1.3 Pelajar PALAPES akan ditempatkan di Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI), manakala pelajar SUKSIS akan ditempatkan di Kolej Perdana (Siswi) dan Kolej Tuanku Canselor (Siswa).

**2.0 KOLEJ KEDIAMAN YANG DITAWARKAN DAN PENUTUPAN BLOK KOLEJ (KERJA NAIK TARAF)**

- 2.1 Senarai kolej kediaman yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 2.2 Beberapa blok kolej kediaman akan ditutup sementara bagi kerja-kerja naik taraf sepanjang Sesi 2026/2027. Senarai blok yang terlibat adalah seperti berikut:

<b>Kolej Kediaman</b>	<b>Senarai Blok Ditutup</b>	<b>Tempoh Penutupan</b>	<b>Kapasiti Ditutup</b>
Kolej Tun Dr. Ismail	MA1	Semester 1 dan 2 Sesi 2026/2027	530
Kolej Tun Razak	K13, K14, K15, K16, K17, K18	Semester 1 dan 2 Sesi 2026/2027	306
	K04, K06, K07, K09	Semester 2 Sesi 2026/2027	396
Kolej Tuanku Canselor	S08, S09, S10, S11, S12, S13, S14, S15, S20, S21, S22, S23, S24, S25, S33, S34	Semester 1 dan 2 Sesi 2026/2027	588
	S04, S05, S37, S38, S39, S40, S42, S43	Semester 2 Sesi 2026/2027	822
Kolej Dato' Onn Jaafar	XC1	Semester 1 dan 2 Sesi 2026/2027	249
	XB2	Semester 2 Sesi 2026/2027	364

- 2.3 Bagi pelajar yang berjaya memperoleh penempatan di blok yang hanya dibuka pada Semester 1 Sesi 2026/2027 sebagaimana dinyatakan dalam Perkara 2.2, penempatan tersebut adalah sehingga tamat Semester 1 sahaja. Maklumat berkaitan permohonan penempatan kolej kediaman bagi Semester 2 Sesi 2026/2027 akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Sebarang penempatan bagi Semester 2 adalah tertakluk kepada kekosongan semasa di kolej kediaman.
- 2.4 Pelajar yang terlibat dengan Perkara 2.3 juga disarankan untuk membuat perancangan awal bagi penginapan Semester 2 dan mempertimbangkan alternatif penginapan lain yang terdapat di sekitar kampus seperti Perdana Residence atau penginapan lain yang bersesuaian sekiranya tiada lagi kekosongan di kolej kediaman.

### 3.0 MAKLUMAT PERMOHONAN

#### 3.1 Syarat Permohonan Kolej Kediaman:

- 3.1.1 Pemohon hendaklah merupakan pelajar UTM yang masih berstatus **aktif pada semester 2 sesi 2025/2026**.
- 3.1.2 Permohonan melalui rakan adalah **tidak dibenarkan**.
- 3.1.3 Pelajar yang akan menjalani latihan industri atau latihan mengajar pada Semester 1 Sesi 2026/2027 dan berhasrat untuk menginap di kolej kediaman pada Semester 1 Sesi 2026/2027 hendaklah membuat permohonan secara dalam talian.
- 3.1.4 Pelajar yang menjalani latihan industri pada Semester 1 dan tidak menginap di kolej kediaman pada semester tersebut, tetapi bercadang untuk menginap di kolej kediaman pada Semester 2, tidak perlu mengemukakan permohonan pada kali ini. Permohonan penginapan bagi Semester 2 akan dibuka pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak.
- 3.1.5 Sebarang permohonan yang dibuat atau berjaya direkodkan dalam sistem semasa sesi simulasi, ujian atau percubaan sebelum tarikh rasmi permohonan dibuka mengikut kategori pelajar adalah terbatal.
- 3.1.6 Sebarang permohonan yang didapati bercanggah dengan syarat dan ketetapan yang ditetapkan akan **dibatalkan serta-merta**.

#### 3.2 Kaedah Permohonan Kolej Kediaman

- 3.2.1 Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui Sistem UTMHostel yang boleh diakses melalui portal MyUTM atau aplikasi UTMSmart.
- 3.2.2 Pelajar dinasihatkan untuk **log keluar (logout) dan log masuk (login)** semula ke portal MyUTM atau aplikasi UTMSmart sebelum sistem permohonan dibuka bagi memastikan paparan dan akses sistem adalah terkini.
- 3.2.3 Manual permohonan boleh dirujuk pada Lampiran 2.
- 3.2.4 Semua bilik yang dipaparkan dalam sistem adalah tertakluk kepada kekosongan dan ketersediaan semasa pada waktu permohonan dibuat. Pelajar dinasihatkan meneliti pilihan kolej dan jenis bilik yang ingin dipohon.

### 3.3 Tarikh Permohonan Kolej Kediaman

3.3.1 Tarikh permohonan kolej kediaman adalah seperti berikut:

Kategori Pelajar	Tarikh	Masa
Prasiswazah Kanan Tempatan (Program Sarjana Muda)	1 – 3 Julai 2026	Bermula jam 1.00 pm pada 1 Julai 2026
Pascasiswazah Kanan Tempatan dan Pelajar Antarabangsa (Program Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah)	6 – 8 Julai 2026	Bermula jam 1.00 pm pada 6 Julai 2026

3.3.2 Permohonan bagi pelajar pascasiswazah kanan tempatan dan pelajar antarabangsa hanya akan dibuka sekiranya masih terdapat kekosongan selepas tamat tempoh permohonan pelajar prasiswazah kanan tempatan.

### 4.0 HAL-HAL LAIN

4.1 Sebarang pindaan kepada notis ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak kolej kediaman berkaitan atau Unit Residen, UTM.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,





**(TOLIE NURAFNIE BINTI ABD MAJID)**

Ketua Unit Residen  
Seksyen Perkhidmatan  
Bahagian Pengurusan Aset  
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
UTM Johor Bahru


## SENARAI KOLEJ YANG DITAWARKAN DAN KADAR SEWA KOLEJ KEDIAMAN SESI 2026/2027

Kolej	Jantina	Jenis Bilik	Kadar Sewa/Hari		
			Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa	Pelajar IDP UTMSPACE
Kolej Rahman Putra (KRP)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
	Siswa	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
Kolej Tun Fatimah (KTF)	Siswi	Seorang eksekutif	RM30.00	RM30.00	RM30.00
		Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
		Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Razak (KTR)	Siswa dan Siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
	Siswa	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	Siswi	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
	Siswi	Berdua (Blok MA)	RM5.00	RM12.00	RM8.00
	Siswa dan siswi	Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
	Siswi	Berdua dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
Kolej Tuanku Canselor (KTC)	Siswa	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Perdana (KP)	Siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej 9 & 10 (K9&10)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	Siswa	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00




# CARA-CARA MEMOHON UTM HOSTEL MELALUI SISTEM MY UTM



- 1) Log masuk ke MyUTM.
- 2) Pergi ke *Student Portal*.
- 3) Tekan tab *Hostel* dan pergi ke *Application*.




- 4) Pilih jenis Hostel dan Nombor Bilik yang diinginkan dari *list* yang dipaparkan.
- 5) Seorang pelajar hanya tertaluk pada satu permohonan sahaja.  
*\*Pelajar yang telah mendapat nama dibawah kuota aktif akan ditetapkan biliknya secara automatik.*




- 6) Untuk penukaran bilik atau kolej, sila tekan *change application*.
- 7) Untuk buang permohonan, sila tekan *remove application*.
- 8) Emel akan dihantar tanda permohonan berjaya.


# PERMOHONAN KOLEJ KEDIAMAN MELALUI APLIKASI UTMSMART




1 Log masuk ke UTMSMART dan pilih icon UTMHostel bagi membuat permohonan hostel. Jika logo hostel tiada dalam senarai, sila log out dan login semula.




Pelajar telah mempunyai rekod permohonan bagi semester semasa. Apabila permohonan baharu dibuka pada semester seterusnya, rekod semester terdahulu akan dipaparkan sebagai sejarah (history) dengan header berwarna kelabu.




2 Pelajar boleh membuat permohonan baharu apabila butang permohonan dipaparkan (menandakan pelajar masih belum mempunyai permohonan aktif bagi semester semasa).




3 Pilih kolej kediaman daripada senarai kolej yang dipaparkan mengikut status pelajar.




4 Pilih jenis bilik yang telah dipaparkan dalam senarai, setiap bilik menunjukkan nama pemohon yang telah berjaya mendaftar.




5 Maklumat pendaftaran akan dipaparkan untuk tujuan pengesahan oleh pelajar bagi memastikan permohonan yang dikemukakan adalah tepat dan betul.




6 Setelah proses pemilihan bilik selesai, pelajar boleh mula mengambil kunci mengikut tarikh yang ditetapkan oleh pihak kolej/Unit Residen.



7 Selepas pengambilan kunci, pelajar perlu menandakan 'Yes' pada bahagian Acknowledgement untuk mengesahkan penerimaan kunci.



8 Selepas butang 'Receive Key' dipilih, sistem akan mengemas kini dan memaparkan status pelajar sebagai telah check-in di kolej yang didaftarkan.



9 Tarikh penerimaan kunci akan direkodkan dan dipaparkan pada bahagian Details Pelajar untuk semakan pelajar.